

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN ,KELANTAN BIL. 2 TAHUN 1986

DASAR PEMBAHAGIAN / PINDAHMILIK LOT-LOT TANAH DALAM SATU-SATU RANCANGAN PERUMAHAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pentadbir Tanah Jajahan kepada Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian ,Kelantan Bil. 6/82 di mana Kerajaan telah membuat keputusan bahawa kadar pembahagian lot-lot kediaman dalam satu rancangan perumahan yang dimajukan di atas tanah kepunyaan Orang-Orang atau Badan Bukan Melayu ialah 70% daripadanya bolehlah dipindahmilik kepada Orang-Orang Bukan Melayu dan 30% kepada Orang-Orang Melayu. Rujuk para 2(a) Pekeliling tersebut. Dasar itu dikuatkuasakan mulai 24.6.82 tetapi tuan-tuan tanah Bukan Melayu yang telah mendapat kelulusan tukar syarat sebelum tarikh kuatkuasa dasar tersebut masih terikat dengan dasar lama di mana kadar pindahmilik tanah ialah 70% kepada Orang Melayu dan 30% kepada Bukan Melayu mengikut Pekeliling P.T.G Kelantan Bil. 6/78.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam persidangannya kali ke 15/86 pada 6.8.86 telah mengkaji mengenai dasar pindahmilik tanah kepunyaan Orang-Orang Bukan Melayu dalam kawasan perumahan berikutnya permohonan tukar syarat dan membuat keputusan bersetuju supaya dasar yang telah diedarkan melalui Pekeliling P.T.G Kelantan Bil.6/82 yang berkuatkuasa mulai 24.6.82 dipakai juga dalam keadaan-keadaan yang tertentu bagi permohonan-permohonan tukar syarat yang telah dilulus oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan sebelum tarikh tersebut.

3. Hasrat keputusan ini bukanlah secara amnya mengubah kelulusan asal tetapi ianya memberi kelonggaran untuk pertimbangan sedemikian berasas kepada merit satu-satu kes dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Bagi melaksanakan keputusan ini Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan apabila terima permohonan daripada tuan-tuan tanah untuk mendapat manfaat daripada dasar yang telah dibuat mengikut Pekeliling P.T.G Kelantan Bil. 6/82 hendaklah mengangkat permohonan itu dengan perakuan bagaimana lazim kepada Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan untuk tindakan seterusnya. Semasa mengemukakan perakuan tersebut keterangan-keterangan tambahan hendaklah diberi bagaimana berikut :-
4. Pentadbir Tanah Jajahan adalah diminta mengambil perhatian tentang keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan ini dan juga mengenai cara-cara perlaksanaan yang telah digaris itu.

t.t

(Hj Ismail Hassan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN**

BERTARIKH : 17HB. SEPTEMBER, 1986

KEPADÀ:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

SALINAN KEPADA:

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan

YABrs. Juruaudit Negeri Kelantan

YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan

YABrs. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan

YBrs. Pegawai Tadbir dan Pegawai Pasukan Petugas Pejabat P.T.G

FAIL : PTG.KN.11575/JLD.2/(44)